

13 SEP 1997

RAMALAN BERHATI-HATI BAGI RINGGIT

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Ringgit dijangka diurusniagakan dengan berhati-hati minggu depan kecuali berita yang positif muncul sepanjang hujung minggu.

Matawang tempatan akan memperolehi sokongan daripada sebarang petunjuk yang muncul daripada perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengurus-pengurus dana dijadualkan Ahad.

Di tempat-tempat lain, para peniaga meramalkan paras dolar/ringgit di antara 2.80 dan 2.90 berbanding dolar dalam jangka terdekat.

Seorang peniaga berkata beliau percaya dengan sungguh-sungguh bahawa dolar/ringgit telah berada pada puncaknya dan akan menjadi kukuh daripada sekarang kecuali sedikit masalah kadang-kadang.

"Ringgit adalah kukuh pada asasnya tetapi pasaran pertukaran wang asing tidak mengurusniaga berasaskan asas-asas pada masa ini," tambahnya.

Sementara itu, minggu yang baru berakhir menyaksikan ringgit ditutup lebih rendah sedikit kepada 2.9500/75 berbanding dolar dari 2.9425/75 Jumat lalu.

Ringgit memantul kepada paras paling tinggi 2.8820 hari Selasa setelah melepasi paras 3.0520 berbanding dolar pada 4 September. Sejak awal Julai, ringgit susut nilai hampir 20 peratus daripada nilainya.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang berucap kepada para pengurus dana pada satu dialog pada hari Jumaat, berkata keputusan kerajaan untuk menngguhkan projek-projek besar juga diguna pakai kepada projek-projek yang diululuskan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Katanya kerajaan-kerajaan negeri perlu mendapat kelulusan daripada kerajaan Persekutuan terlebih dahulu, satu langkah bertujuan memastikan semua pihak berkenaan memotong kos dalam usaha mengurangkan defisit akaun semasa.

Sementara itu, ringgit ditutup bercampur-campur berbanding matawang-matawang lain.

Ia ditutup pada 1.9475/07 berbanding dolar Singapura dari 1.9383/29 sebelumnya, lebih tinggi berbanding yen kepada 2.4471/06 dari 2.4238/83, lebih lega berbanding mark kepada 1.6549/70 dari 1.6204/36, dan lebih rendah berbanding paun kepada 4.7277/54 dari 4.6632/41 Khamis.

Di pasaran wang, kadar antara bank terus kekal tidak berganjak dengan wang satu bulan dan tiga bulan masing-masing ditutup minggu ini 0.01 peratus lebih rendah kepada 7.47 peratus dan 7.59 peratus masing-masing berbanding 7.48 peratus dan 7.58 peratus Jumaat lalu. -- BERNAMA

DVS OS